

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

**CPM301/CMM301/CIS301- Pengurusan Sistem Maklumat**

Masa : [3 jam]

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

- Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** soalan di dalam **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
  - Jawab mana-mana **EMPAT** soalan sahaja. Jawab soalan dalam Bahasa Malaysia.
-

1. (a) Tidak boleh dinafikan bahawa pemprosesan data berkomputer ialah satu bahagian yang penting dalam menjalankan tugas-tugas pentadbiran sesebuah universiti, khasnya proses pendaftaran pelajar yang berbentuk dalam talian (iaitu secara online). Sebagai seorang Pegawai Maklumat Kanan (Chief Information Officer), apakah opsyen yang anda ada sekiranya pusat IT universiti anda yang mengendalikan proses pendaftaran dimusnahkan oleh banjir kilat beberapa hari sebelum hari pendaftaran semester bermula? (40/100)
- (b) Apakah trend teknologi utama yang menjadikan isu etika tentang pengkomputeran satu isu yang semakin merungsingkan? (30/100)
- (c) Secara ringkas, terangkan istilah-istilah berikut dalam konteks pengkomputeraan:
- (i) 'privacy'
  - (ii) hak milik harta benda (property rights)
  - (iii) pencapaian (access)
- (30/100)
2. (a) Ada yang mengatakan bahawa penciptaan sistem maklumat berdasarkan komputer ialah satu proses sosial. Maka, bincangkan dan berikan pandangan anda bahawa seseorang yang terkecimpung dalam pengaturcaraan adalah tidak sesuai untuk mereka bentukkan sistem maklumat yang berdasarkan komputer. (50/100)
- (b) Huraikan lima ciri-ciri yang unik tentang maklumat berbanding dengan sumber-sumber lain yang terdapat di sesuatu organisasi. (30/100)
- (c) Huraikan konsep perkomputeraan "client-server" dan apakah kelemahan bentuk perkomputeraan ini. (20/100)
3. (a) Apakah yang difahamkan dengan model kuasa saingen yang diperkenalkan oleh Michael Porter? (40/100)
- (b) Apakah tiga daripada beberapa cara yang dapat mengubahkan basis daya persaingan melalui penggunaan IT? (30/100)
- (c) Kenapakah kelebihan saingen begitu susah untuk dipertahankan? (30/100)

4. (a) Anda seorang pereka sistem maklumat dan telah ditugaskan untuk membangunkan sebuah sistem perakaunan yang baru untuk bahagian syarikat anda. Apakah faktor organisasi yang harus anda mengambil kira untuk tugas tersebut? (40/100)
- (b) Kenapa juruaudit komputer begitu penting sekali untuk sesebuah sistem maklumat yang berasaskan komputer? (30/100)
- (c) Huraikan sebab-sebab BPR (Business Process Reengineering) merupakan satu topik yang sering dikatakan pada kalangan pakar sistem maklumat dewasa ini? (30/100)
5. (a) Huraikan setiap daripada empat corak untuk menerima maklumat dan membuat keputusan. Apakah nama, konsep asas dan hubung-kaitnya dengan pembangunan sistem maklumat? (40/100)
- (b) Bagaimanakah sistem maklumat dapat membantu seseorang pengurus dan memperbaiki proses membuat keputusan yang bercorakkan pengurusan? (30/100)
- (c) Apakah lima sebab utama tentang kesukarannya pengenalan sistem maklumat yang berasaskan komputer kepada sesuatu organisasi? (30/100)
6. (a) Kenapakah sistem maklumat yang berasaskan komputer begitu terdedah kepada kemusnahan, ralat, penipuan dan penyalahgunaan? (30/100)
- (b) Terangkan kelebihan dan kelemahan pengambilan sumber dari luar untuk sistem maklumat. (30/100)
- (c) Huraikan sebab-sebab kenapa kejayaan sesuatu sistem maklumat adalah satu perkara yang begitu sukar untuk ditentukan. (40/100)